



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

24 MAC 2021 (RABU)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

24 MAC 2021 (RABU)

Isu ekzos bising bukan di bawah KPDNHEP

Bidang kuasa hanya libatkan jualan ekzos jenama tiruan, gagal pamer harga

Oleh RAHAYU MUSTAFA

HULU TERENGGANU

Bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) dalam isu ekzos motosikal yang diubah suai hanya melibatkan jualan ekzos berjenama tiruan dan gagal mempamerkan tanda harga.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, penjualan ekzos motosikal yang boleh mengeluarkan bunyi yang kuat, bising dan mencemarkan alam sekitar bukan di bawah tanggungjawab kementerian tersebut.

"Isu ekzos bising ini melibatkan dua atau tiga kementerian, KPDNHEP hanya boleh ambil tindakan jika peniaga jual ekzos berjenama tiruan (perihal dagangan palsu) dan tidak letak tanda harga pada barang jualan.

"Itu bidang kuasa kita tapi sekiranya ekzos bunyi bising dan



Rosol menerima suntikan dos kedua vaksin Covid-19 di Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu pada Selasa.

cemarkan alam itu bawah bidang kuasa polis dan Jabatan Alam Sekitar (JAS)," katanya selepas menerima suntikan dos kedua vaksin Covid-19 di Dewan Majlis Daerah Hulu Terengganu pada Selasa.

Ahli Parlimen Hulu Terengganu itu berkata demikian mengulas laporan bahawa polis hanya mengambil tindakan penguatkuasaan sahaja manakala KPDNHEP berkuasa mengambil tindakan terhadap kedai menjual ekzos diubah suai.

Menurut Rosol, mana-mana peniaga yang didapati menjual ekzos motosikal berjenama tiruan boleh diambil tindakan di bawah Akta Cap Dagangan 2019

manakala kegagalan mempamerkan tanda harga pula di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

Bagaimanapun katanya, sejak ini KPDNHEP belum menerima laporan berhubung pemilik premis perniagaan aksesori kenderaan bermotor termasuk ekzos menggunakan perihal cap dagangan palsu dan tidak mempamerkan tanda harga jualan.

Sehubungan itu, beliau minta kerjasama orang ramai membuat laporan sekiranya ada peniaga melakukan kesalahan itu bagi membolehkan penguatkuasa KPDNHEP mengambil tindakan sewajarnya.

Jonetz by Don Don Donki penuhi keperluan peminat produk Jepun

PETALING JAYA – Peminat barang buatan Jepun kini dapat memenuhi kepuasan membeli-belah ketika berkunjung ke Jonetz by Don Don Donki bertempat di pusat beli-belah Lot 10 Bukit Bintang, Kuala Lumpur.

Cawangan sulung milik Pan Pacific Retail Management (Malaysia) Sdn. Bhd. (Pan Pacific Retail), subsidiari luar negara Pan Pacific International Holdings Corporation (PPIH) itu telah mula dibuka kepada umum sejak 19 Mac lalu.

Presiden Pan Pacific Retail, Satoshi Machida berkata, premis terbaru itu berkonsepkan gedung khusus menjual pelbagai produk Jepun seperti barang makanan ringan, barang run-

cit, kosmetik, produk kecantikan, makanan, keperluan isi rumah dan buah-buahan bermusim.

“Kami berharap pelanggan akan merasai pengalaman yang menyenangkan ketika memilih produk Jepun kegemaran mereka yang berkualiti tinggi, unik serta dijual pada harga berpatutan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pembukaan gedung pertama Jonetz by Don Don Donki baru-baru ini.

PPIH Group kini berada di lima pasaran di luar negara iaitu di Amerika Syarikat dengan 38 gedung, lapan gedung di Singapura, dua gedung di Thailand, tujuh gedung di Hong Kong dan sebuah gedung di Taiwan.

Sehingga kini, terdapat 57 gedung di enam pasaran di luar Jepun termasuk Jonetz by Don Don Donki di Lot 10.

Machida menerangkan, pihaknya bakal menawarkan beberapa barang yang mesra untuk pelanggan beragama Islam agar mereka dapat membeli-belah tanpa sebarang keraguan.

“Terdapat bahagian khusus untuk daging lembu seperti daging lembu Wagyu dan daging BBQ Jepun yang diperoleh dari kilang yang disahkan halal,” ujarnya.

Selain itu, ditawarkan buah-buahan bermusim yang popular serta bahagian khusus, iaitu Seksyen 5 Ringgit yang menawarkan barang keperluan harian.



MACHIDA (kanan) pada majlis perasmian cawangan pertama Jonetz by Don Don Donki di Bukit Bintang, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Jamin pantau harga barang keperluan

Hulu Terengganu: Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid memberi jaminan harga barang keperluan harian, terutama minyak masak akan dipantau secara berterusan supaya tidak melambung tinggi pada Ramadan ini.

Katanya, beliau bermesyuarat dengan pihak berkaitan bagi memastikan harga barang keperluan tidak melambung tinggi.

"Pengguna tidak perlu bimbang, harga bahan keperluan akan dipantau secara berterusan supaya tidak melambung tinggi pada Ramadan

nanti. Seperti isi minyak masak bersubsidi dihadkan pembelian tidak melebihi tiga (bungkus) plastik sekarang, kita (KPDNHEP) mengesahkan mengenainya.

"Pasar raya dan pembekal juga diminta mengehadkan jualan minyak masak kepada pengguna dan arahan dikeluarkan supaya penawaran (minyak masak) bersubsidi mencukupi di pasaran kerana permintaan agak tinggi sejak harga minyak sawit meningkat," katanya selepas menerima suntikan dos kedua vaksin COVID-19, di sini semalam.

Jamin harga barang keperluan tak naik

Hulu Terengganu: Kerajaan memberi jaminan harga barang keperluan harian akan dipantau secara berterusan supaya tidak melambung tinggi pada Ramadan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya sudah bermesyuarat dengan pihak berkaitan bagi memastikan harga barang keperluan tidak naik, selain penawaran barang adalah mencukupi.

"Seperti isu minyak masak bersubsidi yang dihadkan pembelian tidak melebihi tiga (bungkus) plastik sekarang, kami (KPDNHEP) mengesahkan mengenainya.

"Kami memang meminta pasar raya dan pembekal

supaya mengehadkan jualan minyak masak kepada pengguna.

"Arahan itu dikeluarkan supaya penawaran minyak masak bersubsidi mencukupi di pasaran kerana permintaan agak tinggi sejak harga minyak sawit meningkat," katanya selepas menerima suntikan dos kedua vaksin Covid-19 di Dewan Besar Majlis Daerah Hulu Terengganu di sini, semalam.

Dalam perkembangan lain pula, Rosol berkata, lambakan telur ayam sejak isu pencemaran *Salmonella Enteritidis* (SE) menjadikan harga telur ayam turun berbanding sebelum ini.

"Ia bagus kerana isu lambakan telur ayam secara tidak langsung menstabilkan harga telur di pasaran sekarang," katanya.

HARI : RABU
TARIKH : 24/3/2021
M/SURAT : 9

Nafi rasuah dua penguat kuasa RM100k

Seremban: Seorang pengarah syarikat dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Seremban di sini, semalam, atas pertuduhan memberi rasuah RM100,000 kepada seorang pegawai penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Wong Yeng Fart, 49, mengaku tidak bersalah selepas juruhasa mahkamah membacakan kertas pertuduhan di hadapan Hakim Datin Surita Budin.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh memberi wang tunai RM100,000 kepada dua individu iaitu seorang penolong pegawai penguat kuasa dan seorang pegawai penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan yang bertugas di Unit Kawalan Bekalan. Seksyen Penguat kuasa sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan terhadap semua pemilik Syarikat Viss.

Motor Parts Sdn Bhd yang melakukan kesalahan mengikut Akta Cap Dagangan 2019.

Perbuatan itu dilakukan pada 4 Februari tahun lalu di sebuah restoran di Seremban 2, di sini.

Berikutnya itu, tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17(b) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh di-

hukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dibekum penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai suapan mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Surita menetapkan jaminan RM20,000 dengan syarat tambahan tertuduh perlu menyerahkan pasport kepada mahkamah serta melapor diri di Pejabat SPRM Negeri Sembilan setiap bulan.

Mahkamah menetapkan

Hakim tetapkan jaminan RM20,000 dengan syarat tambahan



WONG dibawa ke Mahkamah Sesyen Seremban atas pertuduhan beri rasuah kepada penguat kuasa KPDNHEP Negeri Sembilan.

sebutan semula kes 23 April depan. Ilikan Timbalan Pendakwa SPRM, Azriff Firdaus Mohamad Ali. Pendakwaan kes dikenda-



YEO dibawa keluar dari kamar Mahkamah Sesyen Kangar.

Didenda RM80,000 jual jersi, seluar tiruan

Kangar: Seorang peniaga dalam talian didenda RM80,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam kerana memiliki bagi maksud memperdagangkan jersi dan seluar tiruan.

Hakim Musyiri Peet memutuskan hukuman itu selepas tertuduh, Yeo Khang Yau, 27, mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan berkenaan.

Mahkamah menetapkan hukuman penjara lapan bulan sekiranya gagal membayar denda itu.

Tertuduh membayar denda berkenaan.

Yeo dituduh memiliki 2,040 jersi dan 172 seluar tiruan bagi maksud perdagangan di sebuah premis di No 10, Jalan Bukit Kaya 6, Taman Bukit Kaya, Kangar,

11 Mac tahun lalu.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 102(1)(c) Akta Cap Dagangan 2019 dan boleh dituduh mengikut Seksyen 100 akta sama, yang boleh didenda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap barang atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan pertama.

Manakala bagi sabit kesalahan kedua, tertuduh boleh didenda sehingga RM1 juta atau penjara sehingga lima tahun.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Roslina Idris manakala tertuduh diwakili peguam Pyara Singh.

Untung tak dapat, 'pelaburan' lesap



ANALISIS
MUKA 16

AHMAD ISMAIL ISMAIL

Mutakhir ini, semakin menjadi-jadi kes penipuan pelaburan tidak wujud yang melibatkan kerugian jutaan ringgit.

Mengambil contoh kes di Kuantan yang dilaporkan pada 17 Mac lalu, seorang pengawal keselamatan kerugian lebih RM5,000 selepas diperdaya sindiket pelaburan tidak wujud yang diiklankan melalui Facebook.

Mangsa berusia 33 tahun itu tertarik menyertai pelaburan berkenaan yang hanya memerlukan modal RM500 dan akan 'memperoleh' keuntungan sehingga RM18,000.

Secara ringkas skim 'pelaburan' itu memerlukan anda melabur sejumlah wang kepada sindiket yang kongonnya menjanjikan pulangan wang jauh lebih tinggi daripada wang yang anda laburkan.

Sikap tamak manusia yang mahu hidup senang-lenang tanpa perlu berusaha keras serta teruja dengan janji manis sindiket sanggup menyerahtakan duit tanpa berfikir panjang.

Sindiket penipuan pelaburan tidak wujud menggunakan pelbagai strategi seperti membuat tawaran yang tidak masuk akal dengan pulangan yang sukar dipercayai untuk menyakinkan orang ramai.

Kebanyakan mangsa mungkin

mendapat keuntungan pada peringkat awal, namun menyedari mereka ditipu apabila jumlah keuntungan yang dijanjikan tidak dapat dilakukan, selain pautan laman web yang diberikan kepada mangsa telah ditutup.

Dalam kenyataan Pengarah Jaban Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Zainuddin Yaacob sebelum ini memaklumkan mangsa mendapat maklumat mengenai skim pelaburan itu daripada iklan di laman sosial, kemudian menghubungi sindiket secara maya.

Zainuddin berkata, ada sindiket penipuan pelaburan itu 'menawarkan' keuntungan yang besar dalam masa yang singkat.

"Mereka 'menawarkan' kadar keuntungan pelaburan itu mampu mencapai dua atau tiga kali ganda berbanding pelaburan lain yang berdaftar," katanya.

Zainuddin berkata, mangsa mudah terpedaya dengan keuntungan lumayan serta pelaburan yang tiada risiko yang dijanjikan oleh sindiket.

"Jika mangsa mahu mengeluarkan semula wang pelaburan, mereka diarah membayar pelbagai yuran antaranya yuran perundangan, perjanjian, insurans dan sebagainya.

"Selepas mangsa membuat pembayaran tersebut, sindiket akan memutuskan hubungan dan gagal dihubungi," katanya.

Zainuddin berkata, pihaknya mengenalpasti sindiket yang melaksanakan penipuan pelaburan berkoncep forex exchange atau pasaran mata wang, komoditi, penernak, emas, saham dan wang kripto.

"Sindiket menggunakan konsep

pelaburan itu hanya untuk mengelirukan mangsa," katanya.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan mendapati sindiket berkenaan turut menggunakan keldai akaun bagi menjalankan aktiviti penipuan pelaburan itu.

Beliau berkata, selain itu, ada sindiket penipuan pelaburan yang berani bersemuka dengan mangsa.

"Mereka akan memperkenalkan diri sebagai pengurus, agen dan broker bagi pelaburan berkenaan.

"Kebiasaannya, mereka akan memberi taklimat pelan pelaburan tersebut di lokasi tertentu seperti hotel," katanya.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) mencerusi kenyataan pada sebuah media baru-baru ini memaklumkan aduan dan pertanyaan pelabur berkaitan skim penipuan meningkat sebanyak 70 peratus pada 2020 berbanding tahun sebelumnya.

SC mendapati modus operandi pengendali skim penipuan telah berubah-ubah sepanjang beberapa tahun ini.

Nasihat penulis, orang ramai harus berhati-hati dengan perkara yang melibatkan wang, jangan mengambil risiko serta menggadaikan wang simpanan anda untuk pulangan yang tiada kepastian.

Masyarakat juga boleh mendapatkan maklumat lanjut daripada sumber rasmi seperti SC, Semak Mule, Senarai Amaran Bank Negara Malaysia dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sebelum membuat keputusan untuk melabur.

* Ahmad Ismail Ismail ialah wartawan Meja Jenayah Sinar Harian

HARI : RABU
TARIKH : 24/3/2021
M/SURAT : 16



Senarai Harga Barang Keperluan

• Ayam	RM5.99	• Telur Gred A.	RM7.99	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM17.99
• Daging Lembu Tempatan	RM34	• Ikan Kembung	RM9.99	• Bawang Besar Holland	RM1.19	• Kubis Bulat Tempatan	RM3.40
• Daging Lembu Import	RM26	• Minyak Masak	RM5.30	• Bawang Putih	RM5.90	• Tepung Gandum	RM2.19

*Harga (RM/kg). Sumber: KPDNHEP



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

24 MAC 2021 (RABU)

KUALA LUMPUR: At first glance, it seemed like a usual case for the Domestic Trade and Consumer Affairs Ministry when it received some complaints on price hikes of certain goods, especially food items, on a tourist island.

The ministry shared its preliminary findings with the Malaysia Competition Commission (MyCC), which found the price hike baffling.

It was alleged, at that point in time, that several transporters had increased their fees, said MyCC chief executive officer Iskandar Ismail.

"The islanders and businesses have the right to know as they were feeling the pinch. MyCC received some leads and zoomed into a few

transporters," he said.

The transporters were then asked to explain their actions following thorough investigations by MyCC.

Iskandar also said that seven warehouse operators in the Port Klang area had been probed for an alleged cartel.

MyCC investigations, he said, did not take into account whether the offenders were "small or big companies".

"As long as their actions are deemed to have a significant effect

against the market, MyCC will act without hesitation," Iskandar said, adding that MyCC had been getting more complaints.

"The numbers are increasing. It shows awareness among the consumers, industry players and also government bodies and agencies.

"Our cases, advocacy programmes, policy advice and market reviews are bearing fruit," he said.

Moving forward, he said MyCC was amending its laws to include merger control provisions.

"The merger control provision power is important to ensure that the market is not concentrated or that competition in the market will not be lessened, and action can be taken against those who are taking advantage."

"Technically, we are still in the midst of amending the law to introduce Merger and Acquisitions (M&A) control powers, and we hope to have it tabled in Parliament by end of 2021," he said.

He said MyCC was currently talk-

ing to regulators including Bank Negara and the Securities Commission.

"Malaysia is the only country in South-East Asia that does not have the merger control provisions under its national competition law. This is important as merger control is one of the main pillars of competition law," said Iskandar.

The MyCC was set up on April 1, 2011. Its aim is to safeguard free and fair competition in commercial markets for the benefit of consumers and the efficiency of enterprises.

MyCC will act without fear or favour